

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 SEPTEMBER 2016

Akta MKN ancam sistem demokrasi – Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 19 Sept. – Tun Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2015 telah mengancam sistem demokrasi negara ini.

Beliau mendakwa, hampir semua institusi utama negara seperti polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Peguam Negara dan Bank Negara Malaysia telah dikuasai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

“Akta itu menidakkan hak sesiapa yang telah terbunuh sama ada pegawai atau orang awam diperiksa (post-mortem) untuk menentukan sebab-sebab kematian berlaku. Besar kemungkinan terjadi salah laku.

“Akta itu juga telah mengetepikan kuasa Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu dalam isu penting keselamatan dan kebebasan rakyat,” kata Dr. Ma-

Umm - 20/9/2016
hathir dalam kenyataannya yang dibacakan oleh bekas Naib Ketua Bahagian UMNO Batu Kawan, Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan di pekarangan Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur hari ini.

Sementara itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula ketika diajukan soalan sama ada beliau telah memaafkan Dr. Mahathir hanya menjawab: “Saya telah memaafkan banyak orang.”